

AKTIVITI : **MAJLIS PELANCARAN PROGRAM LATIHAN INSTUN SECARA DALAM TALIAN**

TARIKH : **19 JUN 2020**

MASA : **10.00 PAGI**

TEMPAT : **SPEAKER'S CORNER, PERPUSTAKAAN INSTUN**

Majlis Pelancaran Program Latihan INSTUN Secara Dalam Talian telah dijalankan pada 19 Jun 2020 (Jumaat) yang dianjurkan bersama Seksyen Perhubungan Awam (PRO) dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) INSTUN bertempat di Speaker's Corner, Perpustakaan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Program yang julung kali diadakan ini merupakan detik permulaan INSTUN ke arah Revolusi Perindustrian 4.0 dalam menyantuni keperluan melaksanakan program latihan secara dalam talian.

Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN berbesar hati melancarkan program ini untuk diwar-warkan kepada orang awam khususnya kepada penjawat awam akan pelaksanaan program latihan INSTUN secara dalam talian. Turut hadir ke majlis pelancaran ini Encik Ganesh Babu Devar a/l Kuppan, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Encik Nasir bin Ismail, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Tuan Sr Ahmad Azmi bin Hashim, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP), Encik Mohd Yusaimi bin Mat Yusof, wakil Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) dan Encik Anis Zaihasmy bin Zainal Abidin, Pendaftar INSTUN.

Garis Panduan Pelaksanaan Program Latihan INSTUN secara dalam talian telah diwujudkan bagi menerangkan tatacara pelaksanaan program latihan secara dalam talian bagi kursus-kursus yang tidak dapat dijalankan seperti norma biasa disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan selari dengan norma baharu akibat pandemik covid-19 yang melanda dunia.

Terdapat tiga (3) kaedah yang akan digunakan bagi pelaksanaan program latihan secara dalam talian INSTUN iaitu menggunakan Sistem eLEARN INSTUN, aplikasi

Google Meet dan aplikasi Facebook. Bagi tahun 2020, sebanyak 129 kursus secara dalam talian telah dirancang yang merangkumi 60 kursus BPPT, 26 kursus BUP, 37 kursus BTM dan 6 kursus umum.

Kursus secara dalam talian INSTUN telah bermula secara rasminya pada 18 Jun 2020 yang menjadi detik sejarah sejak penubuhan INSTUN tahun 1998. Semoga INSTUN kekal relevan sebagai institut latihan awam dalam menyediakan program latihan dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan.

Terima kasih.

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN TANAH DAN SUMBER AIR

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM LATIHAN INSTUN SECARA DALAM TALIAN

eLearn @ INSTUN | f LIVE | Google Meet

19 JUN 2020 | PERPUSTAKAAN INSTUN | 10.00 PAGI

DIRASMIKAN OLEH
YBRS. PUAN NOREHAN BINTI OMAR
PENGARAH INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA





